

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
ADValue

Perkenal dasar tempat kerja bebas dadah: MPCF  
20 Jul 2009  
Sinar Harian  
Mahkamah & Jenayah  
N/A  
Daily  
963

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
PRValue

Malay  
L-14  
175 cm<sup>2</sup>  
Full Color  
2,888



# Perkenal dasar tempat kerja bebas dadah: MPCF

KUALA LUMPUR - Satu dasar tempat kerja bebas dadah perlu diadakan bagi memastikan keselamatan pekerjaan untuk kakitangan dan produktiviti serta keuntungan majikan.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, dasar itu perlu kerana banyak kes kemalangan, kecederaan, penyakit, ponteng kerja, tidak produktif dan kualiti pengeluaran yang tidak baik, berlaku di tempat kerja dan ada kaitan dengan penyalahgunaan dadah.

Katanya, semua syarikat hendaklah mempunyai dasar kesihatan dan keselamatan dan usaha hendaklah dilakukan bagi memastikan tempat kerja ada program pencegahan penyalahgunaan dadah sebagai sebahagian daripada aktiviti keselamatan

dan kesihatan pekerja.

"Ekonomi dan kos manusia sebagai alat penyalahgunaan di tempat kerja mengakibatkan peniaga kerugian berbilion ringgit setiap tahun dalam aspek produktiviti dan penjagaan kesihatan," katanya.

Beliau mencadangkan agar pelaksanaan

program enam perkara bagi menangani masalah ini seperti komitmen dalam pengurusan dan kepimpinan, dasar bebas dadah, pendidikan dan kesedaran, pemeriksaan dadah, rujukan rawatan bagi membolehkan majikan membantu pekerja dan sektor korporat membabitkan diri dalam kempen anti-dadah di peringkat komuniti.

Lam Thye berkata, penagih dadah



LEE LAM THYE

terdiri daripada kaya dan miskin, tidak berumah kepada pekerja kolar biru dan putih, pelajar, petani, pekerja di bandar dan kanak-kanak di jalanan.

"Penagihan dadah telah mewujudkan satu masalah baru yang besar kepada komuniti seperti kes jenayah dan keganasan meningkat,

banyak penyakit sosial dan penurunan etika sosial serta merebaknya penyakit berkaitan dadah seperti Aids dan Hepatitis," katanya.

Beliau juga berharap usaha kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) diperlukan untuk memastikan produktiviti dan kesihatan di tempat kerja bagi pembangunan ekonomi dan memperbaiki kualiti kehidupan. - Bernama